

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH(PBS)
SEKOLAH MENENGAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN
DI DAERAH MUAR DAN LEDANG
JOHOR

MOHD SALIHUDDIN BIN RASUL

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana (Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

DISEMBER 2013

DEDIKASI

Untuk kedua ibu bapakku

Tuan Haji Rasul bin Haji Abu Bakar , Puan Hajah Rahimah binti Haji Rahmat
yang sentiasa mendoakan kejayaan diriku di dunia dan di akhirat.

Untuk isteri tersayang

yang sentiasa memberi semangat dan dorongan..... Puan Hajah Fadzillah binti Haji Mokhtar

Untuk anak-anakku

Ahmad Farhan, Ahmad Fikri, Anis Farahin, Anis Syafiqah

Ahmad Safwan, Anis Najihah, Ahmad Najib Hakimi dan Nur Muhammad

semoga kalian berusaha menuntut ilmu dengan lebih baik dan tabah dan berusaha
meningkatkan pencapaian ilmu demi agama , bangsa dan negara.

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izinNya saya telah dapat menyempurnakan tesis ini bagi memenuhi syarat utama untuk mendapatkan Ijazah Sarjana (Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan), di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia tesis, Prof Madya Dr Haji Mohd Annuar bin Haji Abdul Rahman atas bimbingan, dorongan dan kepercayaan yang diberi di sepanjang tempoh pengajian saya. Terima kasih juga kepada Prof Dr Noor Azlan Ahmad Zanzali , Dr Hajah Khadijah Daud , Prof Madya Dr Haji Hamdan Said . Prof Madya Dr Abdul Rahim Hamdan. Prof Dr Mohd Najib Ghafar , Dr M. Al Muzamil Yassin, PM Dr Yusof Boon dan Dr Lokman Mohd Tahir yang banyak memberi sokongan dalam menghasilkan kajian spertimana yang diperlukan . Segala bimbingan dan dorongan yang diberikan amat dihargai dan akan dikenang selamanya . Semoga ALLAH dapat membalas jasa tuan-tuan terhadap saya.

Akhir sekali, penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung dalam membantu menghasilkan tesis ini. Kepada isteri yang tersayang dan anak-anak yang dikasihi, dorongan dan semangat yang diberikan diucapkan ribuan terima kasih.

ABSTRAK

Pentaksiran Berasaskan Sekolah(PBS) merupakan satu proses pemantauan, penilaiann dan pelaksanaan pelan tindakan untuk menangani kelemahan dan kekuatan yang diperhatikan di sesebuah sekolah. Hari ini, pembuat dasar dan para pendidik melihat pentaksiran berasaskan sekolah sebagai pencetus kepada tranformasi pendidikan. Sejak akhir tahun 1990an dan permulaan tahun 2000, pentaksiran berasaskan sekolah dengan perlahan-perlahan telah meresapmasuk ke dalam bilik darjah di Malaysia. Namun demikian, tidak banyak kajian telah dilaksanakan untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah di Malaysia . Oleh itu kajian ini telah dilaksanakan untuk mengkaji sejauhmana kefahaman guru terhadap pengoperasian program, permasalahan yang dihadapi , jalan penyelesaian yang dilakukan dan bantuan serta sokongan yang diterima oleh guru-guru dalam mengendalikan pentaksiran berasaskan sekolah. Kajian ini dianggap penting dan memenuhi keperluan semasa kerana ia dapat memberikan satu gambaran yang releven kepada sarjana pendidikan, pelaksana dan pembuat polisi tentang aspek pengujian dan pentaksiran. Penyelidikan deskriptif telah digunakan untuk mengenalpasti permasalahan dan penyelesaian dalam pentaksiran berasaskan sekolah. Kajian ini menunjukkan kebanyakan responden telah mengalami pelbagai masalah dalam pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah. Responden menggunakan kaedah '*kerja berpasukan*' dan '*berkongsi masalah*' sebagai satu alterantif bagi mengatasi masalah beban kerja yang banyak dan bertambah.

ABSTRACT

School – based assessment (SBA) is a process of monitoring , evaluating and implementing plans to address perceived weaknesses and strengths pf the school . Today policymakers and educators are looking towards SBA as a catalyst for eduation reform. Since the late 1990s and thr beginning of 2000 , SBA slowly made its way into the Malaysians classroom .Since than, they have been a few studies that looked into the implementation of SBA in Malaysia. Therefore the study was conducted to investigate the knowledge and practices of teachers conducting the SBA programme in school. Such a study is deemed timely and crucial as it could provide a relevant picture for scholars, practitioners and policy makers in relation to testing and assessment . Descriptive research design was employed to examine the level of knowledge and indicated the problems in SBA. The study indicated the problems in SBA have to be addressed . The respondecne needed to work as a team and shared their problems as an alternative to overcome the burden of the work load.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKASURAT |
|------------|-----------------------------|------------------|
| | PENGAKUAN | i |
| | DEDIKASI | ii |
| | PENGHARGAAN | iii |
| | ABSTRAK | iv |
| | KANDUNGAN | vi |
| | SENARAI JADUAL | xi |
| | SENARAI RAJAH | xii |
| | SENARAI LAMPIRAN | xiii |
| | SENARAI SINGKATAN | xiv |
| 1 | PENDAHULUAN | |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latarbelakang Masalah | 3 |
| | 1.3 Penyataan Masalah | 4 |
| | 1.4 Objektif kajian | 6 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 7 |
| | 1.6 Rasional Kajian | 7 |
| | 1.7 Kepentingan Kajian | 8 |
| | 1.8 Skop dan Batasan Kajian | 9 |
| | 1.9 Penutup | 10 |
| 2 | KAJIAN-KAJIAN LEPAS | |
| | 2.1 Pengenalan | 11 |

| | | |
|----------|---|----|
| 2.2 | Pemahaman Guru-guru Terhadap Konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah | 13 |
| 2.3 | Pola Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru Dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) | 14 |
| 2.4 | Persepsi Pengetua Dan Guru Kanan Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran PBS | 15 |
| 2.5 | Kesediaan Guru Untuk Melaksanakan Sesuatu Program Pendidikan Khususnya Penilaian Peperiksaan | 16 |
| 2.6 | Kajian PBS Di Sekolah Rendah | 17 |
| 2.7 | Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan PBS Terhadap Bebanan Guru Di Sekolah Menengah | 18 |
| 2.8 | PBS Bagi Kerja Kursus Kemahiran Hidup | 21 |
| 2.9 | Penutup | 24 |
| 3 | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pengenalan | 25 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 25 |
| 3.3 | Prosedur Kajian | 27 |
| 3.4 | Fasa Kerja | 29 |
| 3.5 | Pengesahan | 30 |
| 3.6 | Persampelan Kajian | 30 |
| 3.7 | Instrumen Kajian | 31 |
| | 3.7.1 Pemerhatian | 32 |
| | 3.7.2 Temu Bual | 35 |

| | | |
|----------|---|----|
| 3.8 | Kajian Rintis | 39 |
| 3.9 | Analisis Data Temu Bual | 40 |
| 3.9.1 | Transkripsi | 40 |
| 3.9.2 | Organisasi Data | 41 |
| 3.9.3 | Pelaziman Data (Membiasakan Diri Dengan Data) | 41 |
| 3.9.4 | Tema | 41 |
| 3.8 | Triangulasi | 44 |
| 3.10 | Penutup | 44 |
| 4 | ANALISA DATA | |
| 4.1 | Pengenalan | 46 |
| 4.2 | Responden Temu Bual | 47 |
| 4.2.1 | Kategori Pegawai Tadbir | 48 |
| 4.2.2 | Kategori Penyelaras | 49 |
| 4.2.3 | Kategori Guru Pendidikan Jasmani | 51 |
| 4.2.4 | Kategori Guru Bimbingan Dan Kaunseling | 52 |
| 4.3 | Analisa Data Temu Bual | 54 |
| 4.3.1 | Kefahaman Melaksanakan PBS | 54 |
| 4.3.2 | Pengoperasian PBS | 57 |
| 4.3.3 | Latihan Dan Bimbingan Sebagai Proses Penyelesaian Masalah Dalam PBS | 64 |
| 4.3.4 | Masalah Capaian Internet Lemah Dan Server Terhad | 67 |
| 4.3.5 | Penyelesaian Masalah Oleh Jawatankuasa PBS | 68 |
| 4.3.6 | Kekangan Masa Dan Bilangan | 79 |

| | | |
|----------|---|-----|
| | Pelajar Yang Ramai | 84 |
| 4.3.7 | Terma-terma Dalam Soalan Ujian Psikometrik Yang Tidak Difahami Oleh Pelajar | 85 |
| 4.4 | Analisa Data Pemerhatian | |
| 4.4.1 | Pemerhatian Ketika Pengaksesan Memasukkan Maklumat Dalam Portal SAPPBS | 88 |
| 4.4.2 | Pemerhatian Pautan Website Sekolah | 91 |
| 4.4.3 | Portal Pengurusan PBS KPM Hosting Aduan Dan Penyelesaian | 92 |
| 4.4.4 | Pemerhatian Pautan Website KPPK | 94 |
| 4.4.5 | Pemerhatian Minit Mesyuarat Dalam Fail Induk PBS | 100 |
| 4.4.6 | Sokongan Dan Bantuan Kepada Sekolah | 105 |
| 4.5 | Penutup | 106 |
| 5 | RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN | |
| 5.1 | Pengenalan | 108 |
| 5.2 | Rumusan | 109 |
| 5.3 | Perbincangan Pengoperasian Pelaksanaan PBS Oleh Pegawai Tadbir | 112 |
| 5.4 | Perbincangan Pengoperasian Di Sekolah Oleh Penyelaras Dab Guru Mata Pelajaran | 114 |

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.5 | Perbincangan Mengenai Masalah PBS Oleh Penyelaras PBS | 117 |
| 5.5.1 | Peperiksaan Sekolah | 118 |
| 5.5.2 | Peperiksaan Pusat | 121 |
| 5.5.3 | PAJSK | 124 |
| 5.5.4 | Ujian Psikometrik | 126 |
| 5.6 | Perbincangan Hasil Pemerhatian | 128 |
| 5.6.1 | Laman Web Sekolah | 129 |
| 5.6.2 | Bantuan Dan Sokongan LPS Dan PIBG | 130 |
| 5.6.3 | Pemerhatian Terhadap Fail Induk SKPM PBS | 131 |
| 5.7 | Implikasi Dan Saranan | 131 |
| 5.8 | Cadangan Kajian Lanjutan Terhadap PBS | 136 |
| 5.9 | Penutup | 138 |

| | |
|----------------|-----|
| RUJUKAN | 142 |
|----------------|-----|

| | |
|---------------------|---------|
| LAMPIRAN A-E | 148-199 |
|---------------------|---------|

SENARAI RAJAH

| RAJAH | MUKASURAT |
|---|------------------|
| 2.1 Konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah | 14 |
| 2.2 Arahan Mengakses Maklumat PBS | 15 |
| 2.3 Komponen Dan Kerangka Standard PBS | 18 |
| 2.4 Ciri-ciri Pentaksiran Sekolah | 21 |
| 2.5 Cabaran Pemimpin Dalam PBS | 23 |
| 2.6 Fokus PBS Terhadap Penambahbaikan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup | 23 |

SENARAI JADUAL

| | JADUAL | MUKASURAT |
|-----|---|------------------|
| 4.1 | Latarbelakang Responden Pegawai | 49 |
| 4.2 | Latarbelakang Responden Penyelaras | 50 |
| 4.3 | Latarbelakang Responden Guru PAJSK | 52 |
| 4.4 | Latarbelakang Guru Bimbingan Dan Kaunseling | 53 |

SENARAI LAMPIRAN

| | LAMPIRAN | MUKASURAT |
|----------|--|------------------|
| A | Transripsi Temu bual Katogori Pegawai | 148 |
| B | Trankripsi Temu bual Kategori Penyelaras | 150 |
| C | Trankripsi Temu bual Katogori Guru | 152 |
| D | Trankripsi Temu bual dan Pemerhatian | 154 |
| E | Rekod Pemerhatian | 194 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|--------|---|---|
| FPN | - | Falsafah Pendidikan Negara |
| JPN | - | Jabatan Pendidikan Negeri |
| KPM | - | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| KBSR | - | Kurikulum Baru Sekolah Rendah |
| KBSM | - | Kurikulum Baru Sekolah Menengah |
| LPM | - | Lembaga Peperiksaan Malaysia |
| PBS | - | Pentaksiran Berasaskan Sekolah |
| PIPP | - | Plan Induk Pembangunan Pendidikan |
| PPPM | - | Plan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| PS | - | Peperiksaan Sekolah |
| PP | - | Peperiksaan Pusat |
| Psi | - | Psikometrik |
| PAJSK | - | Pendidikan Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum |
| PPK | - | Pusat Perkembangan Kurikulum |
| PYD | - | Pegawai Yang Dinilai. |
| PPP | - | Pegawai Penilai Pertama. |
| PPD | - | Pejabat Pendidikan Daerah. |
| PPPBS | - | Portal Pentaksiran Berasaskan Sekolah. |
| SMA | - | Sekolah Menengah Agama. |
| SAPS | - | Sistem Aplikasi Peperiksaan. |
| SPPPBS | - | Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) adalah merupakan suatu sistem penilaian ke atas pelajar yang mula diperkenalkan pada tahun 2012 di sekolah menengah. Sistem penilaian ini merupakan satu transformasi pendidikan terhadap peperiksaan bagi mengukur prestasi semasa dan keupayaan seseorang pelajar dalam bidang akademik, kokurikulum, sukan dan perkembangan psikologi pelajar secara holistik. Dalam masa yang sama juga peperiksaan pusat seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan Sijil Tinggi Pesekolahan Malaysia (STPM), masih dikekalkan dalam tranformasi pendidikan ini. Penjelasan mengenai perkara ini disokong oleh Chan Yuen Fook dan Gurnam Kaur Sidhu(2009), yang menerangkan bahawa Pentaksiran Perasaskan Sekolah (PBS), merupakan satu proses pemantauan, penilaian dan pelaksanaan pelan tindakan untuk menangani kelemahan dan kekuatan yang diperhatikan di sesebuah sekolah. Hari ini, pembuat polisi dan para pendidik melihat pentaksiran berasaskan sekolah sebagai pencetus kepada reformasi pendidikan. Sejak akhir tahun 1990an dan permulaan tahun 2000, pentaksiran berasaskan sekolah dengan perlahan-lahan telah meresap masuk ke

dalam bilik darjah di Malaysia. Namun demikian, tidak banyak kajian telah dilaksanakan untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah di Malaysia.

Di peringkat sekolah menengah, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), telah melalui pelbagai proses perubahan dan penambahbaikan. Tujuan perubahan ini dilakukan adalah untuk mencapai matlamat penilaian berasaskan sekolah iaitu memberi penekanan kepada aspek peperiksaan sekolah, peperiksaan pusat, perkembangan aktiviti sukan dan kokurikulum (PAJSK), serta pengukuhan aspek psikologi dan sahsiah pelajar (Ujian Psi). Secara umumnya dalam pengajaran dan pembelajaran, guru akan mengajar berdasarkan sukatan pelajaran yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Setiap kali pengajaran dan pembelajaran berlaku, pelajar diminta untuk memahami isi kandungan mata pelajaran melalui soalan-soalan kefahaman yang disediakan dalam buku teks. Setiap pelajar perlu menjawab semua soalan tersebut. . Soalan-soalan yang perlu dijawab ini dikenali sebagai evidens. Setelah setiap evidens dijawab dan ditanda ianya akan disimpan serta dicatatkan peniliannya mengikut band tertentu dalam Fail Perkembangan Murid(FPM). Kesemua fail ini disimpan dalam Bilik Operasi PBS. Tujuannya adalah untuk memudahkan guru-guru atau pengetua mengesan perkembangan dan sahsiah pelajar dari semasa ke semasa. Proses penilaian ini berlaku setiap hari dan menjadi tanggungjawab guru untuk memasukkan data dan maklumat pencapaian ini dalam dokumen interaktif yang dinamakan Sistem Aplikasi Penilaian Pentaksiran Berasaskan Sekolah(SAPPBS) secara dalam talian atau "on line".

Demi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisme penyelarasan dan pemantauan perlu dilaksanakan di sekolah. Menurut Noraini Mohd Noor & Saifulazri (2010) PBS di peringkat sekolah menengah ianya dilakukan terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup di mana format penilaian adalah melalui projek dan kerja kursus. Manakala Ujian Lisan dijalankan untuk mata pelajaran bahasa seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manakala penghasilan modul untuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dilakukan oleh Guru Pendidikan Seni Visual. Cadangan bagi melaksanakan PBS ini dibuat dengan mengurangkan mata pelajaran dalam peperiksaan awam seperti

Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sebaliknya mata pelajaran tertentu akan diuji di peringkat sekolah. Sistem pentaksiran ini sama sekali tidak bertujuan untuk memansuhkan peperiksaan tetapi merupakan satu usaha membangunkan budaya persekitaran pendidikan yang mantap tanpa perlu diberi keutamaan terhadap peperiksaan semata-mata.

1.2 Latarbelakang Masalah

Berdasarkan pemerhatian terhadap Pelaksanaan Jadual Kerja PBS pada tahun 2013 beberapa perkara telah diteliti dan didenalpasti terdapat masalah-masalah yang dihadapi oleh pengurusan PBS. Permasalahan dikenalpasti melalui seorang guru yang dikenali sebagai Penyelaras PBS mengisi Dokumen Standard Prestasi Berasaskan Tahun(DSP), Dokumen Panduan Pengurusan PBS, Instrument PBS, Penjaminan Kualiti PBS, Pelaporan Pemantauan Dalaman PBS, Pengemaskinian Maklumat PBS, Kemasukan Prestasi Murid, Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah dan Pentaksiran PAJSK. Manakala Pentaksiran Ujian Psikometrik dikendalikan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling melalui Dokumen Sokongan Terhadap Akademik (DSTA), yang dijalankan secara berasingan. Maklumat yang diperolehi mendapati semasa menjalankan Peperiksaan Pusat, Peperiksaan Sekolah, PAJSK dan Ujian Psikometrik (Psi), sememangnya terdapat banyak runggaran yang menunjukkan guru-guru ini menghadapi masalah samada di sekolah menengah biasa maupun di sekolah agama bantuan kerajaan (SABK).

Menurut Mohd Noh Ghani (2013), Pentaksiran Berasaskan Sekolah merupakan pentaksiran yang wajib dilaksanakan di sekolah. Persediaan perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas proses penilaian. Malahan pemantauan terhadap proses pentaksiran juga perlu melalui proses sebelum, semasa dan selepas yang dikendalikan oleh pegawai penilai yang bertauliah. Proses memasukkan maklumat memerlukan kemahiran dan

kepakaran atau skill guru,. Oleh itu guru-guru yang mahir menggunakan computer sahaja dapat memasukkan markah tanpa sebarang masalah. Kedengaran terdapat masalah yang dihadapi mereka ketika mengendalikan ujian pada waktu puncak.. Maka terpulang kepada kebijaksanaan pemimpin dan kepimpinan sekolah mengurus dan mentadbir PBS dengan cekap dan efisien..

Melalui pelaksanaan pengurusan dan pentadbiran penilaian peperiksaan berdasarkan Jadual Kerja Pelaksanaan PBS 2012/2013 mendapati bahawa guru-guru mempunyai cabaran tersendiri yang perlu ditempuhi. Maklumat awal yang diperolehi mendapati terdapat masalah yang timbul dalam PBS berdasarkan tindakan yang perlu dilakukan selepas mesyuarat bulanan pengurusan. Hebahan pendidikan dalam talian seperti laman web Kementerian Pendidikan Malaysia mendapati pelbagai masalah yang dihadapi oleh guru semasa pengoperasian PBS dilaksanakan di sekolah. Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), juga tidak terlepas daripada menjalankan PBS dalam sistem persekolahan mereka. Sistem persekolahan mereka mempunyai dua aliran iaitu *aliran diniah* dan *aliran akademik* . Sebanyak sepuluh mata pelajaran akademik dan empat belas mata pelajaran diniah yang perlu mereka pelajari setiap minggu. Nae'imah Ishak (2012), menjelaskan kejayaan PBS amat bergantung kepada kerjasama dan komitmen yang berterusan daripada semua pihak. Berdasarkan kepada situasi ini pengkaji berminat untuk mengkaji bagaimanakah PBS ini beroperasi di sekolah dengan bilangan dua puluh empat mata pelajaran dalam satu sesi pembelajaran. Berbanding dengan sekolah aliran kebangsaan yang hanya belajar lapan hingga dua belas subjek dalam satu masa pembelajaran. Secara umumnya memang terdapat masalah dalam pelaksanaan PBS di SABK yang perlu dikenalpasti dan dikaji oleh penyelidik dalam kajian ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Di dalam kajian ini, penyelidik berhasrat untuk menjalankan kajian terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), di SABK khususnya dari segi apakah masalah yang mereka hadapi dan bagaimana ianya diselesaikan. Empat komponen yang akan dikaji iaitu pengoperasian Peperiksaan Sekolah, Peperiksaan Pusat, PAJSK dan Ujian Psikometrik. Pada masa yang sama pemerhatian juga dilakukan semasa proses mengakses maklumat pelajar dalam PAJSK dan Ujian Psikometrik. Selain mengenalpasti masalah, pemerhatian juga dilakukan terhadap bantuan dan sokongan sewaktu pelaksanaan PBS di sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), telah mengesan beberapa masalah dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS,) di sekolah rendah dan menengah.. Dapatan kajian mendapati Lembaga Peperiksaan Malaysia mendapati 84.2 peratus daripada 46 929 guru Tingkatan 1 seluruh negara memahami konsep PBS. Kira-kira 90.7 peratus daripada 89 618 guru Tahun 1, 2 dan 3 sekolah rendah memahami konsep dan cara melaksanakannya. Sebanyak 9006 atau 10 peratus guru Tahun 1, 2 dan 3 sekolah rendah dan guru Tingkatan 1 di sekolah menengah melaksanakan komponen akademik PBS.

Masalah juga dikesan melalui laporan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) mendapati guru juga kurang memahami mengenai cara melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah(PBS). Seterusnya guru-guru menghadapi masalah dalam mengaseskan maklumat peperiksaan yang dikendalikan oleh Sistem Aplikasi Peperiksaan(SAPS) Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kenyataan permasalahan ini disokong oleh Mohd Ghazali Abdul Rahman(2013) menyatakan bahawa Bahagian Pendidikan Guru melalui Institut Perguruan Malaysia telah menyediakan model penambahbaikan skim latihan guru-guru dalam memahami konsep PBS di sekolah rendah sepertimana yang di harapkan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan(KPPK) pada tahun 2013. Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan(KPPK) adalah sebuah badan bukan kerajaan telah menjalankan kajian mengenai bebanan tugas guru dalam PBS. Maklumat yang diperolehi daripada

KPPK mendapati terdapat masalah dalam Sistem Aplikasi Peperiksaan Sekolah (SAPS), iaitu kesukaran untuk memasukan markah mentah pelajar. Aduan yang dibuat oleh KPPK mendapati guru terpaksa menunggu beberapa jam untuk mengakses dan memasukkan markah setiap kali peperiksaan berasaskan sekolah(PBS) berakhir. Bahagian aduan KPPK juga mendapati setiap cawangan dan negeri menerima aduan secara talian dan sistem maklumat ringkas (SMS), mengenai permasalahan dari segi pengurusan dan pentabdiran peperiksaan sekolah (PS), bagi Tahun 1, 2 dan 3 sekolah rendah dan juga Tingkatan 1 di sekolah menengah.

Menurut Buletin Guru Malaysia, KPPK juga telah memaklumkan bahawa pertemuan antara pihak kesatuan guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah diadakan bagi membincangkan beberapa masalah dalam pelaksanaan PBS. Muhyiddin Yassin (2013), menyatakan segala masalah dalam pelaksanaan PBS akan dikenalpasti punca dan penyelesaiannya seterusnya perlu dilakukan usaha penambahbaikan dan memperkasakan amalan pengurusan pendidikan di tahap status kelas A iaitu baik dan amat memuaskan dalam tempoh terdekat. Jelas di sini sememangnya terdapat masalah dihadapi pihak pengurusan sekolah, guru dan Lembaga Peperiksaan Malaysia dalam melaksanakan PBS di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan satu pasukan petugas khas untuk turun padang bagi mendekati secara khusus permasalahan yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan PBS di sekolah amnya.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini adalah untuk menjawab persoalan mengenai beberapa aspek yang telah dikenalpasti oleh penyelidik terhadap pelaksanaan PBS bagi empat komponen utama sama ada akademik dan bukan akademik. Kajian ini mempunyai empat objektif penting yang ingin dicapai oleh pengkaji iaitu:

- i. Mengenalpasti kefahaman pentadbir , penyelarar dan guru-guru tentang pengoperasian PBS di sekolah.
- ii. Mengenalpasti masalah pengoperasian yang dihadapi oleh pentadbir , penyelarar dan guru ketika melaksanakan PBS dan bagaimana ianya diselesaikan di sekolah.
- iii. Mengenalpasti bantuan dan sokongan diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Lembaga Pengelola Sekolah dan Persatuan Ibu bapa dan Guru bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan PBS di sekolah.
- iv. Mengenalpasti punca masalah melalui penelitian dan pemerhatian terhadap dokumen pemantauan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM), Fail Induk PBS dan Laman web sekolah.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dikemukakan adalah berdasar kenyataan berikut :

- i. Sejaumanakah pegawai tadbir, penyelarar dan guru memahami pengoperasian PBS di sekolah?
- ii. Apakah masalah pngoperasian yang dihadapi oleh pegawai , penyelarar dan guru ketika melaksanakan PBS di sekolah dan bagaimana ianya diselsesaikan?
- iii. Apakah bantuan dan sokongan yang diberikan oleh pihak LPS dan PIBG dan adakah ianya berkesan untuk membantu menyelesaikan masalah PBS di sekolah ?
- iv. Adakah dapat dikenalpasti punca masalah PBS melalui penelitian dan pemerhatian terhadap dokumen pemantauan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) , Fail Induk PBS dan Laman web sekolah.

1.6 Rasional Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah bertepatan dengan Dasar Transformasi Kerajaan atau Malaysian Transformation Programme(MTP) yang memberi fokus kepada penyelidikan bagi memperkasakan sektor pendidikan. Penyelidikan yang dijalankan ini adalah untuk mengenalpasti punca masalah dan seterusnya mencari jalan penyelesaiannya. Dapatan kajian ini akan dikemukakan kepada pihak pembuat dasar Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) sebagai satu sumbangan ilmiah oleh penyelidik. Pelbagai aspek telah diambilkira berdasarkan kajian-kajian lepas bagi memantapkan penyelidikan. Terdapat banyak perbincangan mengenai isu-isu pendidikan sebelum ini tetapi tidak memberi fokus kepada aspek peperiksaan awam di negara ini. Walaupun perbincangan agak terhad kepada isu pelaksanaan dasar pendidikan negara tetapi penyelidik mendapati tidak banyak kajian dilakukan terhadap PBS. Perundingan bersama pihak KPM dan kesatuan guru telah dapat mengesan masalah yang dihadapi oleh guru semasa pelaksanaan PBS di sekolah menengah dan rendah tetapi sehingga kini tiada kajian tindakan berkaitan masalah utama PBS itu. Kenyataan bersama telah diutarakan berserta dengan bukti dan data yang kukuh bagi menyokong pendapat yang menyatakan PBS itu sendiri mempunyai masalah. Kenyataan oleh Timbalan Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin(2013) menyatakan bahawa Unit Media dan Koperat KPM serta Lembaga Peperiksaan Malaysia(LPM) telah diarahkan untuk mengumpul maklumat berkaitan permasalahan dan penyelesaian yang dicadangkan secara mendalam. Begitu juga satu pendekatan dan kajian boleh dilaksanakan terhadap pengurusan PBS SABK yang telah distrukturkan semula dalam pentadbiran KPM sekarang ini. Oleh itu, penyelidik berkeyakinan melalui penyelidikan ini dapat membantu pihak pengurusan pendidikan menyelesaikan masalah PBS ini secara ilmiah.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memberikan pandangan dan pendapat berkaitan pengurusan dan pentadbiran kepada pihak pengurusan SABK yang terpaksa mengendalikan dua sistem peperiksaan yang berbeza dalam satu masa iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan Peperiksaan Dinniah. Begitu juga cadangan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Lembaga Pengelola Sekolah yang bertanggungjawab dalam menyusun dan merangka program akademik dan bukan akademik supaya mengambilkira cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh penyelidik dalam menyelesaikan masalah PBS yang dihadapi oleh guru-guru. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu Kementerian Pelajaran untuk mengenal pasti masalah PBS khusus dan berfokus kepada pentaksiran pusat, pentaksiran sekolah, pentaksiran aktiviti jasmani dan sukan dan kokurikulum dan ujian psikometrik dapat diambil kira. Seterusnya melalui penyelidikan ini pihak kementerian dapat menyusun strategi penyelesaian masalah atau memberi inisiatif-inisiatif tertentu bagi membantu guru-guru tersebut dalam melaksanakan PBS tanpa sebarang masalah. Selain itu hasil kajian ini juga dapat menyediakan satu garis panduan yang mantap kepada pengendalian operasi peperiksaan sekolah supaya dapat mengurus dan melaksanakan PBS secara efektif dan sistematik. Sehubungan itu apabila dapatan kajian ini diperolehi oleh pihak pentadbiran sekolah ianya akan dapat merangka satu pelan tindakan kawalan lebih awal sebelum melaksanakan PBS pada masa akan datang . Begitu jugalah kajian ini diharapkan dapat meningkatkan mutu kualiti pengurusan PBS dengan lebih berkesan khususnya dalam mengendalikan sistem aplikasi peperiksaan PBS (SPPBS), sepertimana yang dirancang dalam 'blue print' Plan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)

1.10 Skop dan Batasan Kajian

Terdapat beberapa faktor yang membataskan kajian ini seperti pemilihan populasi, sampel, pemboleh ubah dan mereka bentuk kajian. Kajian juga dilihat berdasarkan fail pengurusan, pengurusan dokumen, pengurusan kes khas, aplikasi pengurusan dokumen, pengurusan penyimpanan eviden, plan komunikasi penjaga atau ibu bapa, program pembudayaan dan penjaminan kualiti PBS. Skop kajian ini pula hanya terhad kepada pentadbir PPD, pentadbir KPM, penyelaras PBS dan guru -guru sekolah yang terdapat di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan di Daerah Muar dan Ledang yang terlibat dengan PBS sahaja. Terdapat 6 buah sekolah dalam lingkungan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) yang bertukar status Sekolah Agama Bantuan Kerajaan(SABK) mulai 2012 di Daerah Muar dan Daerah Ledang, Johor.

1.11 Penutup

Kajian terhadap Perlaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang mana skop kajian dari setiap sudut mengesan permasalahan dan penyelesaiannya di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dapat dilihat oleh penyelidik secara seimbang.. Kajian ini diharapkan dapat meminimum masalah guru dan pelajar terpaksa belajar 24 matapelajaran dalam satu masa. Ini adalah satu usaha murni untuk mempraktikkan Falsafah Pendidikan Negara(FPN) ke arah membentuk pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Sehubungan itu pendekatan yang dilakukan oleh penyelidik secara kolektif melalui kajian kualitatif dapat menghasilkan satu kajian yang bermutu dan berkualiti tinggi bagi membantu pihak kerajaan dalam memperkasa sektor pendidikan ke tahap antarabangsa.

Sebagai kesimpulan, dapat dirumuskan bahawa peranan pegawai pentadbir, penyelararas dan guru matapelajaran sebagai pelaksana PBS di sekolah. Selaku pelaksana agenda dasar kerajaan amatlah perlu dinilai semula dari perspektif guru dimana bebanan tugas dan tanggungjawab hakiki secara keseluruhannya yang manakah perlu diutamakan. Tingkahlaku pengawai pentadbir, penyelararas PBS dan guru matapelajaran akan menjadi nadi penggerak utama kepada perjalanan semua aktiviti PBS di sekolah selaras dengan pendapat Ibrahim (1993) walaupun tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara peranan guru tentang penyelararas yang mungkin ketua panatia sebagai pemimpin kurikulum atau penyelararas itu sendiri sebagai pemimpin kurikulum berdasarkan ciri-ciri demografi guru, namun beberapa implikasi serta saranan telah dikemukakan untuk memanfaatkan warga pendidik zaman ini dan juga untuk bakal pemimpin pada masa hadapan dengan ilmu pengurusan yang berkesan.

RUJUKAN

- Abd Ghafar Md Din (2003), *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abd Malek Samsuri (2013) *Aplikasi ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matapelajaran Sejarah Sekolah Menengah di Malaysia*. Laporan Projek Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Abd Rahim Abd Rashid (2001). *Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Abdul Rahim Hamdan (2012). *Falsafah Dan Pemikiran Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Akhiar Pardi, Shamsudin dan Muhamad Kushairi Jusoh (2012). *Asas Kepimpinan & Perkembangan Profesional Guru*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn Bhd.
- Amir Hassan Dawi (2006). *Kajian Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Rendah*. Laporan Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Azila & Zarina (1997). *Pola Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru Dalam PBS*. Laporan Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Azita Abdul Rahim (2012). *Beban Tugas Guru Sekolah Menengah Di Daerah Batu Pahat, Johor*. Laporan Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahman Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Bukit Tinggi : PTSPublishing.
- Azrul Affandi Sobri. (21 September 2011). *Guru Merungut Program SAPS Lebih Sukar Dari Manual*. *Berita Harian Online*. Dimuat turun dari <http://bharian.com.my>
- Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (2009). Surat pekeliling Ikhtisas Bil 3/1981: *Penggunaan Waktu Tidak Mengajar/ Waktu Luang*

(FreePeriod) Oleh Guru-guru. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (2011a). *Pindaan Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 1/2011: Penambahbaikan Sistem Pentaksiran Kebangsaan Bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) Mulai Tahun 2011.* Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (2011b). *Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil 5/2011: Penggunaan Aplikasi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) Tahun 1, 2011 Di Semua Sekolah.* Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Braun, V. Ang Clarke, V. (2012). Thematic Analysis. In : Cooper, H.,ed. (2012) *APA Handbook of Research Methods In Psychology: Vol 2* Washington, DC : American Psychological Association. ISBN 9781433810039

Chua Yan Piaw (2011a), Kaedah Dan Statistik penyelidikan : *Kaedah Penyelidikan.* Kuala Lumpur. McGraw Hill Education.

Chua Yan Piaw (2011b). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan : Asas Statistik Penyelidikan.* Kuala Lumpur. McGraw Hill Education.

Chan Yuen Fook (2011), School Base Assessment Among ESL Teachers In Malaysian Secondary School , Faculty of Education , Universiti Teknologi MARA , Shah Alam, Selangor. *Journal of Education Review* .

De Vito, J.A. (1991). *Human Communication: The Basic Course (5th ed.).* New

York:Harper Collins Publishers Inc.

Faizah A Majid (2011). School Based Assessment in Malaysia Schools: The Concerns Of the English Teachers. *Journal of US-China Education Review*. Volume 8 no 10, 1-15.

Ibrahim Mamat (2006). *Reka Bentuk Dan Pengurusan Latihan – Konsep Dan Amalan*. Dewan Bahasa Dab Pustaka. Kuala Lumpur.

Ismail Abas (2007). Peranan Guru Membina Murid Menghadapi Cabaran Wawasan 2020. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Islam, Selangor*. Jilid 10, 82-89.

Jaafar Muhamad & Mohd Hizam Hanafiah & Zakir (2008). *Penghantar Pengurusan*. Leeds Publications, Petaling Jaya, Selangor.

Kamus Dewan (1998). *Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2007). *Laporan Kajian Tugas dan Tanggungjawab Guru*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Khairul Azran Hussin (01 April 2010). Seksa Jadi Guru. *Berita Harian Online*. Dimuat Turun dari www.bharian/articles/Seksajadicikgu/Article/

LoYiu Chun (2006). *Practitice and Challenges of School – Based Formative Assessment*. The Hong Kong Institute of Education.

Lokman Mohd Tahir & Mohd Anuar Abdul Rahman (2011). *Orientasi Kepimpinan Pengetua Sekolah*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

- McQueen, Ron and Knussen, Christina (2002). *Research Methods For Social Science*. London. Prentice Hall.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1998a). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia., Skudai.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2010b). *Pembangunan Organisasi Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd Fadzly Mohd Izab (14 Mei 2011). Peranan Guru Jana Transformasi Pendidikan. *Utusan Malaysia Online*. Dimuat turun dari <http://www.utusan.com.my>
- Mohd Fitri Sahhari (2006). *Yahap Beban Tugas Sekolah Menengah Di Daerah Skudai:Kajian Kes*. Laporan Projek Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd. Najib Konting (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Noh Ghani (2013). *Laporan Suku Tahun Pertama Jabatan Pelajaran Negeri Johor*.Johor Bahru: Percetakan Nasional.
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Nasir (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0*. Kuala Lumpur. Venton Publishing.
- Muhyiddin Mohd Yassin (2012). Guru Inovatif Melonjakkan Transformasi Pendidikan Negara. *Majlis Pelancaran Perayaan hari Guru Kali Ke-41*.16

Mei. Koala Kangsar.

Muhajir (2013) *Budaya Penyelidikan Di kalangan Pensyarah Universitas Nasional Madagaskar Indonesia* . Laporan Projek Doktor Falsafah , Universiti Teknologi Malaysia , Skudai.

Naiemah Ishak (2012). *Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah*. Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kuala Lumpur.

Najeemah Md Yusof (2006). *Konsep Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Sdn Bhd.

Nasaruddin & Amirul. (27 September 2011). Polis Lebih Stress Berbanding Guru Berita harian online. Dimuat turun dari <http://bharian.com.my>

Nazirmudin Ahmad (2009). *Kepimpinan Dalam Pendidikan*. Laporan Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Noor Azlan Ahmad Zanzali dan Mohd Nazri Hamid, (2003). *Kesediaan Guru Program Pengijazahan Perguruan (PKPG) UTM Terhadap Mengajar Mata Pelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris*. Laporan Projek Sarjana Pendidikan.,Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Noraini Idris (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur. McGraw Hill Education.

Noraini Mohd Nor & Saiful Azri Sahip (2010). *Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di*

Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Johor Bahru, Kawasan Skudai.
Laporan Projek Sarjana ,Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Noran Fauziah (1996). *Penggunaan Komputer Dan ICT Di Kalangan Guru Pelatih.*
Laporan Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia,
Serdang,Selangor.

Ridzuan Yeop (15 Mei 2010). *Khidmat Pembantu Mampu Atasi Beban Tugas Guru*
Di Sekolah. Berita Harian Online. Dimuat turun
dari <http://bharian.com.my/bharian/articles>

Robiah Sidin (1998a). *Pemikiran Dalam Pendidikan.* Shah Alam: Fajar Bakti Sdn
Bhd.

Robiah Sidin (2007b). ICT Dalam Pendidikan: Prospek dan Cabaran dalam
Pembaharuan Pedagogi. *Jurnal Pendidikan.* Bil 32, 139-152.

Sanitah Mohd Yusof, Norsiwati Ibrahim (2012). Kesediaan Guru Matematik tahun
Satu Dalam Pelaksanaan Kurikulum standard Sekolah Rendah (KSSR) di
Daerah Kluang. *Journal of Science and Mathematics in Education.* Volume
6, 26-38.

Sapora Sipon (24 Januari 2008). Sokongan Sosial Bantu Kurangkan Beban Guru.
Utusan Malaysia Online. Dimuat turun dari <http://www.utusan.com.my>

Shahrudin (1996). *Kesediaan Guru Untuk Melaksanakan Sesuatu Program*
Pendidikan Khasnya Penilaian Peperiksaan. Laporan Projek Sarjana
Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Tan Lay Sim (2012). *Beban Tugas Guru di Tiga Buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Segamat*. Laporan Projek Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Tsheko,G.N. (2006). *A Teacher With A Vision And School Based Assessment*. University of Botswana.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1993). *Pentadbiran Pendidikan*. Fajar Bakti. Kuala Lumpur.

Zainal Abidin (1998). *Persepsi Guru Besar Dan Pengetua Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pengajaran Pentaksiran Berasaskan Sekolah*. Laporan Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

_____(2002). *Panduan Menulis Tesis Dan Salinan E-Tesis*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

_____(15 Januari 2003). Guru 2003 – Tugas Kian Mencabar. *Utusan Malaysia Online*.

Dimuat turun dari <http://www.utusan.com.my>

_____(23 Januari 2008). Beban Kerja Guru Kini Terlalu Berat. *Utusan Malaysia Online*.

Dimuat turun dari <http://www.utusan.com.my>

_____(18 Mei 2009). Beban Tugas Boleh Bawa Tekanan Perasaan Guru. *Utusan Malaysia Online*. Dimuat turun dari <http://www.utusan.com.my>

_____ (17 Mei 2012). 14 Isu Beban Guru Ditangani. *Utusan Malaysia Online*.
Dimuat

Turun dari <http://www.utusan.com.my>

_____ (22 Oktober 2012). Guru Perlu Fahami Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
Utusan

Malaysia Online. Dimuat turun dari <http://www.utusan.com.my>

_____ (08 Februari 2013). Perdana Menteri Azam Kurangkan Beban Guru. *Utusan*
Malaysia Online. Dimuat turun dari <http://www.utusan.com.my>

_____ (12 Mac 2013). Transformasi Perkhidmatan Awam. *Utusan Malaysia Online*.
Dimuat turun dari <http://www.utusan.com.my>